

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PELANCARAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA**  
**KATEGORI TAMAN PERUMAHAN, TAMAN SERI IMPIAN, ALMA**  
**27 MAC 2016 (AHAD), 4.30 PETANG**

---

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas  
dan Tebatan Banjir.

**Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon**

Ahli Dewan Undangan Negeri  
Dun Machang Bubuk

**Yang Berusaha En. Chew Kak Weng**

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Seri Impian Alma

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga staff MPSP kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa di Punca Kategori Taman Perumahan di Taman Seri Impian, Alma pada petang ini.

Para hadirin sekalian,

Langkah yang diambil oleh Kawasan Rukun Tetangga Taman Sri Impian Alma, dalam mewujudkan kesedaran penduduk di kawasan Taman Perumahan terhadap aktiviti kitar semula, memperlihatkan bahawa kesedaran dalam menjaga alam sekitar di kalangan penduduk Seberang Perai semakin hari semakin meningkat.

Taman Seri Impian, terdiri daripada 518 unit premis dengan pecahan rumah kediaman sebanyak 495 buah dan unit kedai sebanyak 23 buah.

Di kawasan ini, setiap rumah mempunyai tong sampah individu dan bagi kawasan Flat Seri Impian, terdapat tong CU (communal unit) yang disediakan.

Bagi sisa kebun, kutipan dibuat pada hari rabu setiap minggu. Manakala bagi sisa domestik, kutipan akan dibuat setiap Selasa, Khamis dan Sabtu. Kutipan tong CU (communal unit) di Flat Seri Impian pula dibuat secara harian.

Kerja-kerja pembersihan bagi kawasan ini dijalankan oleh 2 pekerja awam dari Isnin hingga Jumaat, manakala bagi pemotongan rumput dibuat dalam bentuk kitaran iaitu dlm tempoh 21 hari.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya ingin membawa semua, melihat perubahan cuaca yang kita hadapi sekarang. Sehingga 22 Mac 2016, sebanyak lima (5) kes strok haba telah dilaporkan yang mana salah satu (1) daripada kes tersebut telah membawa kepada kematian.

Jika dilihat, definisi gelombang haba yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi terbahagi kepada 4 tahap iaitu, tahap sifar, tahap satu, tahap dua dan tahap tiga. Gelombang haba (heatwave) diisytihar apabila suhu berada di Tahap Dua dengan bacaan suhu melebihi 37°C untuk tiga (3) hari berturut-turut. Tahap Tiga pula ialah bilamana suhu melebihi 40°C selama tiga hari berturut-turut, dan ketika keadaan ini berlaku Negara boleh mengisytiharkan kecemasan.

Haba atau panas yang melampau ni akan membawa kesan buruk kepada kesihatan. Sejak akhir-akhir ni kita kerap mendengar strok haba berlaku. Namun begitu, cuaca panas ini juga boleh menyebabkan beberapa gangguan kesihatan yang lain seperti, selaran matahari (sunburn) yang akan menyebabkan kulit kita menjadi merah, pedih serta melepuh. Ia juga boleh menyebabkan sakit kepala dan demam. Selain itu, kejangan haba

(Heat Cramps) yang melibatkan otot kaki, lengan dan perut mungkin berlaku semasa atau selepas senaman atau bekerja dalam haba yang melampau. Ia terjadi apabila badan berpeluh dan kehilangan garam dan cecair. Tahap rendah garam akan membuatkan otot menjadi kejang. Kesan lain akibat cuaca panas ini juga ialah kelesuan haba (Heat Exhaustion) yang berlaku akibat pendedahan kepada suhu yang tinggi, serta aktiviti fizikal berat. Ini boleh menyebabkan individu tersebut sakit /pening kepala, sakit perut, muntah atau pengsan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Kenapa saya bercakap mengenai cuaca panas? Selain fenomena alam dikenali sebagai El-Nino, aktiviti manusia juga boleh menyumbang kepada peningkatan suhu bumi. Fenomena El-Nino yang sedang melanda Negara kita, menyebabkan berlakunya peningkatan suhu sebanyak  $0.5^{\circ}\text{C}$  hingga kepada  $2^{\circ}\text{C}$  dan dijangkakan akan berlanjutan hingga April dan kembali neutral selepas Jun. Sejarah fenomena El-Nino di Malaysia pada tahun 1998 telah menyaksikan suhu maksima Negara kita pernah mencecah sehingga  $40.1^{\circ}\text{C}$ .

Namun begitu, peningkatan suhu di Negara kita umumnya dan Seberang Perai khususnya, mungkin tiada *turning point* jika sikap kita terhadap bumi ini tidak berubah. Pengasingan sisa dipunca menjadi salah satu kaedah yang mudah dan akan memberi impak yang besar kepada bumi kita ini.

Jika dilihat, penghasilan kertas kitar semula dapat menjimatkan 65% tenaga dan 80% air berbanding penghasilan kertas daripada pokok. Satu tan kertas kitar semula dapat menyelamatkan 17 batang pokok daripada ditebang. Satu langkah kecil, dengan mengasingkan sisa anda kepada dua kategori, iaitu sisa yang boleh dikitar semula dan dan sisa baki, akan membawa perubahan yang besar satu hari nanti.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan. Empat jawatankuasa telah ditubuhkan diperingkat Negeri bagi menyokong dan menggerakkan dasar ini, iaitu

Jawatankuasa Pelaksana, Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Pendidikan dan Publisiti serta Jawatankuasa Pemandu.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam

tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM3,999,600.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Dengan ini saya menyeru para hadirin, dan penduduk Taman Seri Impian khususnya, untuk menjadikan pengasingan di punca sebagai satu gaya dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan seijau mungkin. Marilah kita menjadi 'agen pengusaha' @ 'agent of change' untuk menjamin persekitaran yang bersih dan sihat.

Sekian, terima kasih.